

BRIEFING NOTE

**YBRS TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
UNTUK MESYUARAT JK TUJUAN-TUJUAN AM**

BIL 2/2020 PADA 16 JUN 2020

1. PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berakhir pada 9 Jun 2020 digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan atau PKPP yang akan bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020. Dalam tempoh PKPP ini, lebih banyak kelonggaran diberikan untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian di samping mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) secara berterusan. Hampir semua sektor dan aktiviti dibenarkan beroperasi semula secara berperingkat dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP antaranya perkhidmatan gunting rambut dan salun akan dibenarkan. Pasar terbuka, pasar pagi, pasar malam, pasar tamu, bazaria, medan selera, pusat penjaja, food truck dan gerai makan juga dibenarkan. Dalam tempoh pemulihan menuju normalisasi ini, penjarakan sosial, penggunaan pelitup muka di tempat awam dan membasuh tangan menggunakan sabun atau hand sanitizer merupakan kebiasaan baharu yang mesti diamalkan. Apa yang penting ialah kita semua mestilah bersedia untuk membudayakan kebiasaan baharu dalam kehidupan kita. Adakalanya kita merasakan sedikit sukar untuk mengamalkannya tetapi percayalah setiap kesukaran itu akan disusuli dengan kesenangan.

2. KEJAYAAN BANDAR TAIPING SEBAGAI 10 BANDAR PALING BAHAGIA

Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada penduduk Bandar Taiping di atas pengiktirafan sebagai 10 Bandar Paling Bahagia 2019 di Malaysia sempena Sambutan Hari Kebangsaan Sedunia 2020 yang jatuh pada 20 Mac setiap tahun. Turut tersenarai adalah bandar Bentong, Kuantan, Jasin, Kulai, Taiping, Jeli dan Yan yang dipilih sebagai bandar paling bahagia melalui Kajian Indeks Kebahagiaan Malaysia 2019 yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dan Bandar.

Kajian ini dicapai melalui Program Jaringan Penunjuk Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia yang dikenali sebagai MURNInets. MURNInets merupakan alat yang digunakan bagi mengukur kemampuan kawasan PBT di negara ini di bawah seliaan PLANMalaysia. Indeks kebahagiaan merupakan pengukuran umum terhadap tahap kesejahteraan penduduk merangkumi tahap kesihatan dan kesejahteraan mental dan fizikal.

Pada akhir Jun 2019, pihak Majlis telah mengedarkan 400 borang soal selidik MURNInet kepada penduduk yang merangkumi 14 aspek utama iaitu tahap kehidupan dan kesihatan; keselamatan kawasan kediaman dan kemudahan awam; infrastruktur asas yang disediakan; kebahagiaan

bersama keluarga dan saudara-mara serta keseronokan bekerja. Aspek lain yang turut diambil kira ialah pengurusan kewangan; hubungan dengan jiran; aktiviti bersama komuniti; infrastruktur asas yang disediakan; perkhidmatan PBT dan pemimpin tempatan dan kualiti alam sekitar.

Bagi kejayaan Bandar Taiping, aspek utama yang menyumbang kepada tahap kebahagiaan ini adalah berkait rapat dengan tahap dan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Majlis seperti penjagaan kebersihan persekitaran, pengurusan sisa pepejal dan kutipan sampah yang berkesan dan teratur.

Harapan saya, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan kawasan kita sentiasa bersih, terpelihara dan terhindar dari kekotoran sampah, dan kerosakan alam sekitar. Usaha bersepadu perlu diteruskan dan semua pemimpin masyarakat perlu berganding bahu dan saling bekerjasama ke arah menjadikan Taiping sebagai sebuah bandar yang bersih dan kekal sebagai Bandar paling bahagia untuk tahun hadapan.

3. PEMBUKAAN SEMULA ZOO TAIPING DAN NIGHT SAFARI (ZTNS) SEPANJANG PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Zoo Taiping dan Night Safari (ZTNS) dibuka kembali kepada orang awam mulai 15 Jun 2020 dengan tawaran diskaun harga tiket sebanyak 20 peratus sehingga 15 Julai 2020. Hanya 1,250 pelawat dibenarkan melawat ZTNS pada satu masa bagi tempoh yang dianggarkan antara dua ke tiga jam.

Beberapa persiapan yang sewajarnya dan mengikut SOP telah disediakan, antaranya laluan untuk saringan suhu dan ambil maklumat, imbas kod QR MySejahtera, pensanitasi tangan (*Hand Sanitizer*), dan papan tanda makluman bagi memudahkan pelawat. Pelawat dinasihatkan memakai pelitup muka semasa melawat ZTNS. Para pelawat juga dinasihatkan supaya menjaga penjarakan sosial sebagai mematuhi SOP yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pembukaan semula ZTNS dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, dan Pelancongan, YB Dato' Norlee Ashilin Dato' Mohammed Radzi.

4. TERIMA KASIH PETUGAS BARISAN HADAPAN (*FRONTLINERS*)

MPT

Kumpulan petugas barisan hadapan (*frontliners*) MPT terutamanya anggota penguatkuasa, petugas kebersihan dan pegawai kesihatan yang bertungkus lumus mengawal dan pencegahan penularan wabak Covid-19 di Bandar Taiping adalah wira sebenar.

Daripada ditugaskan mengawal kemasukan orang awam di Pasa sehingga melakukan sanitasi di tempat tumpuan awam, hakikatnya dengan menggunakan sumber yang begitu terhad, *forntliners* kita sedang berhempas pulas memastikan orang awam patuh pada SOP yang digariskan oleh MKN, sebenarnya mereka sedang melakukan satu tanggungjawab yang bukan sahaja mulia, sebaliknya sangat berat sekali.

Tahniah kepada mereka dan terima kasih tidak terhingga.